



NELAYAN warga Indonesia yang ditahan kerana menceroboh perairan negara di Pulau Kendi.

Dua bot asing ditahan curi 400kg hasil laut

HM 14/06/23 M15 4

Georgetown: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan dua bot nelayan asing bersama lapan kru Indonesia yang menceroboh perairan negara untuk menangkap ikan di Pulau Kendi pada Isnin.

Pengarahnya, Kapten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, APMM yang sedang menjalankan rondaan telah menahan bot terbabit masing-masing di kedudukan 28 dan 30 batu nautika barat daya Pulau Kendi pada jam 10.13 pagi.

“Hasil pemeriksaan men-

dapati bot pertama dikendalikan oleh empat kru termasuk tekong warga Indonesia bersama hasil perikanan sebanyak 400 kilogram (kg) membabitkan pelbagai jenis ikan.

“Manakala bot kedua juga dikendalikan empat kru warga Indonesia termasuk tekong dan hasil tangkapan ikan dianggarkan sebanyak 100kg. Kesemua lapan lelaki berusia 13 hingga 20 tahun itu gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri dan perjalanan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.